

21 JUL 2003

Sarawak-Pingat

DR MAHATHIR DAHULUI SENARAI PENERIMA PINGAT SARAWAK

KUCHING, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendahului senarai 308 penerima darjah kebesaran dan pingat sempena Sambutan Jubli Delima 40 tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia, esok.

Dr Mahathir adalah penerima tunggal pingat tertinggi Sarawak yang baru diwujudkan, Darjah Satria Bintang Sarawak (SBS), yang membawa gelaran "Pehin".

Dua orang iaitu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Hajah Norkiah dianugerahkan Datuk Patinggi Bintang Kenyalang yang membawa gelaran "Datuk Patinggi"

Seramai 11 orang menerima Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) yang membawa gelaran Datuk Sri. Mereka ialah speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Mohamad Asfia Awang Nasar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Nawawi.

Yang lain ialah Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak Datuk Wong Soon Koh, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsuddin Osman, Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Zahidi Zainuddin, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Dr Shamsudin Hitam, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Merican, Bekas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Dr Zainul Ariff Hussain dari Unit Pengelaran, Jabatan Perdana Menteri.

Enam orang menerima Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (PGBK) yang membawa gelaran Datuk.

Mereka terdiri Datuk Azman Abdul Rashid Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Naib cancellor Universiti Teknologi Mara Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah, Datuk Sharum Yub, Dr Tan Yaw Kwang, Puan Hajah Raziah Mahmud dan Datuk Zaharah bt Shaari dari Kementerian Pengangkutan.

Seramai 12 orang pula dianugerahkan Panglima Setia Bintang Sarawak (PSBS). Antaranya adalah ahli parlimen Baram Jacob Sagan, Imam Besar Negeri Sarawak Ustaz Nahrawi Abdul Rahman, Senator Benedit Bujang Tembak dan ahli politik dan perniagaan Peter Minos.

Tiga orang menerima Darjah Jasa Bakti Sarawak (DJBS), enam orang menerima pingat Johan Bintang Sarawak (JBS), enam orang menerima Johan Bintang Kenyalang (JBK) dan 22 orang Pegawai Bintang Sarawak (PBS)

Yang lain seramai 46 orang dianugerahkan Ahli Bintang Sarawak (ABS), 84 orang Bentara Bintang Sarawak (BBS), 16 orang menerima Pegawai Bintang Kenyalang (PBK), 15 orang menerima Ahli Bintang Kenyalang, 27 Pingat Perkhidmatan Bakti (PPB) (Perak) dan 49 orang Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT) (Gangsa).

--BERNAMA

MT ZB